



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

COVID-19: JCORP DAN KUMPULANNYA BANTU BARISAN HADAPAN DAN B40

JOHOR BAHRU, 9 APRIL 2020: Johor Corporation (JCorp) dan syarikat Kumpulannya komited dalam menyokong usaha kerajaan untuk menangani pandemik COVID-19 dengan menguatkuasakan arahan bekerja dari rumah bagi majoriti anggota pekerjaannya kecuali yang dikategorikan sebagai perkhidmatan penting atau petugas barisan hadapan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) daripada 18 Mac hingga 14 April 2020.

Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp berkata, sumbangan JCorp dan Kumpulan termasuk dana RM3 juta yang disumbangkan untuk pembelian 20 unit Mesin Penghidap Pernafasan (RVM) yang diperlukan untuk mangsa COVID-19 di seluruh Johor.

"Selain JCorp, dana itu disumbangkan oleh KPJ Healthcare Berhad, Kulim (Malaysia) Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, Johor Land Berhad, Damansara REITS Managers Sdn Bhd, Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) dan Waqaf An-Nur (WANCorp) sebagai entiti korporat yang prihatin dan bertanggungjawab."

"Sumbangan tersebut disalurkan melalui Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ) sebagai badan penyelaras untuk pembelian RVM tambahan yang diperlukan segera oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor," katanya.

Datuk Syed Mohamed seterusnya memberi penghargaan kepada anggota pekerja Kumpulan yang menjadi petugas barisan hadapan termasuk yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan dan keselamatan bangunan, selain anggota kerja sokongan yang mengendalikan perkhidmatan penyediaan dan penghantaran makanan melalui restoran KFC dan Pizza Hut.

Ini turut melibatkan petugas kesihatan Klinik Waqaf An-Nur selain klinik dan hospital Pakar KPJ Healthcare di seluruh negara. Anggota pekerja di Pelabuhan Tanjung Langsat dan beberapa pasar basah, pasar raya, bangunan komersil serta Terminal Bas Larkin Sentral yang berada di bawah pengurusan DASB turut menjadi petugas barisan hadapan.

Sebagaimana pengumuman oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini, JCorp dan Kumpulan telah menyalurkan bantuan dan sumbangan makanan menerusi pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri dan Daerah di seluruh negara. Sebelum ini, Kulim (Malaysia) Berhad melalui anak syarikatnya Kulim Pineapple Farm (KPF) juga telah menyumbang produk Melita Pineapple bernilai lebih RM110,000 kepada petugas barisan hadapan, dan sumbangan berupa makanan menerusi rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut beberapa negeri sejak bermulanya PKP.

Datuk Syed Mohamed menambah, anggota sukarelawan Briged Waqaf JCorp juga mengedarkan risalah COVID-19 kepada orang ramai di sekitar bangunan yang diuruskan oleh DASB, serta membantu mengambil bacaan suhu badan pelanggan di pintu masuk bangunan, selain sumbangan peralatan dan keperluan kepada Angkatan Tentera Malaysia dan barisan hadapan lain bernilai RM45,629.

Menurut Datuk Syed Mohamed, sehingga 8 April 2020, lebih RM197,000 sumbangan telah dikumpul melalui WANCorp dan sejumlah RM136,000 dari dana ini telah diagihkan kepada 3,043 keluarga yang memerlukan di seluruh negeri Johor dengan kerjasama Pejabat JKM. Bagi mengurangkan beban anggota pekerja pula, JCorp dan syarikat Kumpulan telah mewujudkan tabung bantuan dalaman yang akan memberi manfaat serta bantuan kepada anggota pekerja yang dikategorikan dalam kelompok B40.

"JCorp dan Kumpulan Syarikat mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Wira Malaysia dan semoga Allah S.W.T. terus memberi mereka kekuatan dan perlindungan sepanjang perjuangan membasmi pandemik COVID-19. Kami berharap sumbangan JCorp setakat ini memberi impak selaras dengan usaha kerajaan untuk memutuskan rantaian jangkitan wabak ini," kata Datuk Syed Mohamed.

-Tamat-

<p>Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik. Tel: 07-219 2692.</p>
--